

31 DEC 1998

ASN-DIVIDEN LEAD

PNB ISYTIHAR DIVIDEN 6.5 PERATUS BAGI ASN UNTUK '98

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Permodalan Nasional Bhd (PNB) hari ini mengisytiharkan dividen sebanyak 6.50 peratus bagi tabung unit saham Amanah Saham Nasional (ASN) bagi tahun berakhir 31 Dis, 1998.

Pengumuman itu dibuat oleh pengerusi PNB Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid hari ini bagi pihak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputra, syarikat induk PNB.

Ahmad Sarji berkata walaupun keadaan ekonomi dan pasaran saham tempatan kurang memberangsangkan sepanjang 1998, ASN sebaliknya telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari pelabur-pelabur di mana pegangan unit pelaburan meningkat sebanyak 2.363 bilion unit berbanding dengan 1.105 bilion unit pada awal 1998.

Ini merupakan pertambahan sebanyak 113.85 peratus, katanya pada persidangan berita di sini.

Beliau berkata jumlah pelabur meningkat kepada 1.287 juta berbanding dengan 1.276 juta pada awal 1998, iaitu pertambahan seramai 10,300 pelabur baru.

Ahmad Sarji berkata bahawa Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB), iaitu pengurus skim Amanah Saham Nasional (ASN), memperolehi keuntungan yang boleh diagihkan kepada pemegang-pemegang unit berjumlah RM149.26 juta berbanding dengan RM138.20 juta pada 1997.

Katanya, ASNB bersetuju untuk mengecualikan yuran pengurusan sebanyak RM4.631 juta yang sepatutnya diterima untuk diagihkan kepada pemegang unit.

Berasaskan keuntungan dan juga pengecualian yuran pengurusan oleh ASNB ini, ASNB akan membayar dividen bersih selepas cukai berjumlah RM153.595 juta berbanding dengan RM116.025 juta pada tahun 1997.

Ahmad Sarji menjelaskan bahawa walaupun kadar dividen 6.5 peratus itu lebih rendah berbanding dengan tahun sebelumnya sebanyak 10.5 peratus namun jumlah pembayaran sebenar telah meningkat sebanyak 32.38 peratus.

"Para pelabur di dalam saham amanah terapung seperti ASN tidak seharusnya melihat pulangan dalam bentuk dividen di penghujung sahaja.

"Mereka juga boleh meraih pulangan pelaburan dalam bentuk keuntungan modal apabila sebut harga ASN meningkat lebih dari kos belian oleh pelabur.

"Oleh itu, para pelabur seharusnya mengambil kesempatan terhadap pergerakan turun naik harga ASN di pasaran modal untuk menikmati keuntungan daripada pelaburan mereka," tambahnya.

Pembayaran dividen ASN akan dikreditkan terus ke dalam akaun Amanah Saham Bumiputera (ASB) pada 1 Jan, 1999.

Ahmad Sarji berkata bagi pemegang unit ASN yang tidak mempunyai akaun ASB dan pemegang unit yang sudah atau hampir mencapai tahap maksimum dalam akaun ASB, ASNB akan membayar dividen dalam bentuk cek yang akan dihantar pertengahan Januari 1999.

Katanya, ibu pejabat dan cawangan-cawangan ASNB di seluruh negara akan ditutup pada 2 Jan selaras dengan penutupan agen-agen ASNB kecuali di Kelantan dan Terengganu. -- BERNAMA

RIZ/SHO MFJ